

# Lima ketua adat calonkan anak Waris Perut Hilir

10/3/88

Oleh **BUSTAMAM AHMAD**

SEREMBAN, Rabu — Satu perkembangan baru dalam urusan pemilihan Datuk Kelana Putra (Undang Luak Sungai Ujong) ke-10 berlaku semalam apabila lima ketua adat Luak itu mencalonkan seorang anak Waris di Darat daripada Perut Hilir Kampung Manggis untuk menyandang pesaka Undang.

Nama anak waris itu terkandung dalam memorandum yang dipersembahkan kepada ahli-ahli Dewan Keadilan dan Undang Negeri Sembilan, yang mengadakan mesyuarat khasnya di Istana Besar Seri Menanti pagi semalam.

Mesyuarat itu, yang dipengerusikan oleh Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan selaku Pengerusi Dewan, bagaimanapun tidak membuat sebarang rumusan mengenai urusan pemilihan Datuk Kelana Putra ke-10.

Menurut sumber-sumber tertinggi adat hari ini, tindakan oleh lima ketua adat berkenaan adalah amat memeranjatkan kerana dewan sebelum ini dipercayai sudah memutuskan untuk menggilirkan pesaka Da-

tuk Kelana Putra ke-10 kepada Perut Ulu.

"Kehadiran mereka di Istana Besar Seri Menanti adalah dianggap sebagai 'aneh' kerana mesyuarat dewan adalah untuk ahli-ahli dewan sahaja. Apa yang lebih memeranjatkan ialah keputusan mereka untuk menamakan seorang anak Waris di Darat daripada Perut Hilir sebagai penyandang pesaka Datuk Kelana Putra ke-10.

"Nama anak waris yang mereka pilih untuk menyandang pesaka itu ialah Raja Azman Raja Amir," kata sumber-sumber itu kepada *Berita Harian* di sini.

Difahamkan bahawa memorandum itu ditandatangani oleh Datuk Andika Mendelika Fadzil Nordin selaku Tua Lembaga Waris di Darat dan Lembaga Tua Tiang Balai Luak Sungai Ujong. Lima ketua adat itu juga menurunkan tandatangan masing-masing sebagai 'saksi'.

Lima ketua adat yang pergi ke Istana Besar Seri Menanti semalam diketuai oleh Tua

Waris Perut Hilir, Datuk Maharajalela Zamhari Haji Abdul Rahman. Yang lainnya ialah Datuk Muda Linggi Abu Zarim Haji Mulop, Datuk Menteri Sahal Rauf, Datuk Raja Dimuda Zainuddin Musa dan Datuk Maharaja Indera Abdul Ghafar Haji Tahir.

Sumber-sumber itu menambah Dewan Besar kemungkinannya akan menolak memorandum berkenaan kerana ia dibuat tanpa persetujuan sebulat suara Datuk-Datuk Lembaga Tiang Balai Luak Sungai Ujong.

"Memang tidak dapat dinafikan bahawa Raja Azman adalah seorang anak Waris Negeri Perut Hilir tetapi tiga lagi Datuk Lembaga Tiang Balai yang diiktiraf oleh dewan tidak menurunkan tandatangan mereka dalam memorandum itu.

"Mereka ialah Datuk Seri Maharaja Diraja Azman Jamlus, Datuk Penghulu Dagang Paroi Mohd Nor Abdullah dan Datuk Muda Labu Zainuddin Haji Abdullah," tambah sumber-sumber itu lagi.